

Pusat tidak terikat

2 JAN 1994

bayaran royalti Kedah

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Kerajaan Persekutuan tidak terikat dengan sebarang perjanjian dengan Kedah berhubung pembayaran royalti penyerahan Seberang Perai kepada Pulau Pinang, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, jumlah bayaran royalti tidak akan dinaikkan kerana apa yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan adalah bagi meneruskan tradisi dan sejarah.

“Kalau nak kira boleh henti (bayar) kerana kita tidak terikat dengan perjanjian British dulu tetapi sebagai syarat kita bayar...ikut tradisi..begitu juga dengan jumlahnya pun kena ikut tradisi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Sekolah Menengah Datuk Lokman, Kampung Pandan, di sini.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan telah membayar banyak wang kepada Kedah tanpa mengira sama ada ia bayaran sewa atau sebagainya.

“Kita telah memberi banyak peruntukan kepada Kedah, oleh itu hendak minta kenaikan itu buat apa,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff yang juga Timbalan Ketua Bahagian UMNO Kubang Pasu, yang meminta jumlah royalti dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM10 juta, Dr. Mahathir.

“Timbalan saya (Osman Aroff) bercakap bagi pihak Kedah, saya kena bercakap bagi pihak *federal* yang akan membayar.

“Biasanya bagi orang yang kena bayar itu tidak suka hendak membayar lebih, tuan yang hendak menerima memang hendak menerima lebih,” kata Mahathir yang juga Ketua Bahagian UMNO Kubang Pasu.